



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

UCAPAN

EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI

KETUA PENGARAH

JABATAN STANDARD MALAYSIA

PELAKSANAAN EKSA DIY DI JABATAN STANDARD MALAYSIA

15 DISEMBER 2021

ZOOM

Assalamualaikum WBT dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah dan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita bersama-sama berkumpul pada majlis yang berbahagia ini.

Terima kasih diucapkan kepada ahli Jawatankuasa EKSA Jabatan Standard Malaysia kerana telah berjaya melaksanakan majlis ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Dasar EKSA (Ekosistem Kondusif Sektor Awam) MITI adalah “MITI komited menggerakkan budaya kerja profesional melalui penyediaan ruang kerja yang kondusif, bersih dan teratur bagi memastikan kelangsungan perkhidmatan kepada pelanggan”.

EKSA telah diamalkan di sektor awam dan swasta untuk mewujudkan persekitaran tempat kerja yang kondusif dan dalam masa yang sama imej korporat dapat dikekalkan. Amalan ini dapat mewujudkan persekitaran kerja yang berkualiti secara sistematik dan praktikal, selain daripada berupaya mengurangkan pembaziran dari segi masa dan ruang. EKSA juga menggalakkan seluruh warga kerja agar lebih kreatif dan inovatif dalam usaha mewujudkan persekitaran kerja yang

sesuai dan mampu meningkatkan produktiviti serta kualiti penyampaian perkhidmatan.

EKSA merupakan garis panduan bagi melaksanakan aktiviti ke arah mewujudkan persekitaran kerja yang kemas, bersih, dan tersusun di sektor awam. MITI telah memilih Jabatan Standard Malaysia sebagai agensi pertama untuk pelaksanaan EKSA DIY.

Objektif EKSA DIY Jabatan Standard Malaysia adalah bagi merekayasa budaya kerja yang profesional melalui:

- a) persekitaran kerja yang kondusif;
- b) menggalakkan pelaksanaan amalan hijau;
- c) menampilkan imej korporat minimalis; dan
- d) menyemarakkan elemen kreativiti dan inovasi.

Prinsip pelaksanaan EKSA merangkumi 5 elemen penting iaitu:

1. imej korporat
2. kreativiti dan inovasi
3. amalan hijau
4. persekitaran kondusif, dan
5. kepelbagaian agensi

Pelaksanaan EKSA di Jabatan ini diharap dapat meningkatkan lagi tahap pengurusan persekitaran kerja yang lebih kondusif,

pengurusan dan penyusunan dokumen yang selamat dan teratur. Di samping itu, pelaksanaan EKSA ini diharapkan dapat menyumbang ke arah peningkatan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan awam khususnya oleh setiap warga Jabatan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

Dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim saya dengan ini merasmikan dan melancarkan **Pelaksanaan EKSA DIY di Jabatan Standard Malaysia.**

Saya mengharap agar usaha kita semua dalam menjayakan amalan EKSA ini sentiasa diberkati dan dipermudahkan. Insha Allah.

Sekian, terima kasih.